

# KKH terajui kajian prakehamilan dan kesan jangka panjang

► HASLEEN BACHIK

hasleen@sph.com.sg

HOSPITAL Wanita dan Kanak-Kanak KK (KKH) kini menerajui satu kajian prakehamilan berskala besar bagi mencari hubungan antara kesihatan ibu dan kesejahteraannya sebelum dan semasa kehamilan dengan kesan jangka panjang ke atas ibu dan anak.

Menjelaskan mengenai kajian yang diberi nama S-Presto, atau Kajian Prakehamilan Singapura bagi Hasil Jangka Panjang Ibu dan Anak, Pengarah Pusat Kajian KK yang juga Konsultan Kanan, Jabatan Perubatan Reproduksi KK, Profesor Madya Jerry Chan, dalam satu sidang media di KKH semalam, berkata:

“S-Presto dilancarkan sebagai kajian setempat yang akan memberi tumpuan pada peringkat prakehamilan sehingga anak itu berusia dua tahun. Matlamat utamanya adalah menggunakan data tersebut bagi membantu meningkatkan tahap kesihatan bagi setiap kelahiran di Singapura.”

S-Presto adalah susulan kepada satu kajian serupa yang dilancarkan pada 2009 dan masih berjalan kini iaitu Gusto atau Membesar di Singapura Ke Arah Kesihatan.

Gusto bagaimanapun hanya menjelaki ibu yang telah hamil berbanding S-Presto yang akan memulakan pemantauan sebelum hamil. Ini kerana kesihatan ibu semasa hamil memberi kesan kepada tahap kesihatan anak yang dikandung.

Memberikan dapatan awal Gusto, Konsultan Kanan, Jabatan Pakar Perbidanan dan Sakit Puan (O&G), Sekolah Perubatan Yong Loo Lin, Universiti Nasional Singapura, Profesor Madya Chong Yap Seng, yang juga Pengarah Eksekutif Institut Sains Klinikal Singapura (SICS) di Agensi bagi Sains, Teknologi dan Penyelidikan (A\*Star), menambah:

“Dapatan awal Gusto menunjukkan ibu yang mengalami kencing manis ketika mengandung turut didapati lapan kali ganda lebih berisiko akan benar-benar menghidapi kencing manis Jenis 2 empat tahun setelah melahirkan.”

Maka itu, S-Presto yang berusaha mengkaji 1,000 pasangan akan mengkaji ibu sebelum hamil.

Wanita yang dicari bagi kajian S-Presto harus berusia antara 18 dengan 45 tahun, sedang dan akan menetap di Singapura sepanjang lima tahun akan datang, sedang berusaha untuk hamil dan bercadang mendapatkan rawatan kehamilan dan melahirkan di KKH.

Mereka yang berminat boleh menghubungi talian 1800-777-3786 atau lungsuri laman web [www.s-presto.sg](http://www.s-presto.sg).

Selain KKH, kajian S-Presto turut melibatkan (SICS), A\*Star, Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Sistem Kesihatan Universiti Nasional (NUHS).